

# Wasilah Farm perkenal Kambing Salai

um 12/7/16



**Ini kerana prosesnya yang rumit dan harga daging kambing segar yang mahal.”**

**NURUL SYAQINAH ARIFFIN**  
Pengarah Eksekutif  
Al Wasilah Urus Sdn. Bhd.

**KUALA LUMPUR 11 Julai** - Wasilah Farm yang diuruskan oleh Al Wasilah Urus Sdn. Bhd., dan beroperasi di Kampung Tasek Segamat Johor memperkenalkan produk hiran pertamanya iaitu Kambing Salai Segar Amat.

Pengarah Eksekutifnya, Nurul Syaqqinah Ariffin berkata, produk itu menggunakan jenama Kambing Salai Segar Amat sempena nama asal daerah Segamat yang dari sejarahnya dipanggil Segar Amat.

Katanya, dengan pengenalan Kambing Salai Segar Amat ini, pihaknya berharap dapat menaikkan lagi nama Segamat sebagai destinasi pelancongan berasaskan makanan tradisi.

“Terdapat banyak pengeluar komersial atau tradisional yang telah mengeluarkan produk salai ikan, ayam, itik atau daging lembu tetapi tidak terdapat pengeluar kambing salai secara komersial di Malaysia.

“Ini kerana prosesnya yang rumit dan harga daging kambing segar yang mahal,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kambing yang digunakan bagi produk ini adalah kambing yang ditenak sendiri di Wasilah Farm dan disalai sebaik sahaja disembelih dan dilapah menjadikan Kambing Salai Segar Amat terjamin

dari segi kesegaran dan kualiti.

Bagi memastikan bekalan yang konsisten, Wasilah Farm menternak kambing baka boer bermutu tinggi bagi tujuan ini.

Di Wasilah Farm, selain boleh membeli produk daging kambing salai segar, pengunjung boleh menikmati keenakan kambing salai masak lemak cili api di restoran yang disediakan di ladang yang beroperasi pada Sabtu, Ahad dan cuti umum mulai 6 Ogos ini.

Pengunjung ke laman web <https://wasilahfarm.com> akan mendapati Wasilah Farm adalah berasaskan konsep agro pelancongan yang juga menawarkan kemudahan menunggang kenderaan pelbagai muka bumi (ATV) dan peluang melawat kandang kambing bagi melihat secara dekat kaedah ternakan kambing.

Wasilah Farm juga berharap segala usaha berintegrasi dilaksanakan mampu melonjak namanya sebagai pusat agro pelancongan sekeluarga utama di utara Johor dengan Kambing Salai Segar Amat menjadi daya penarik utamanya di dalam tempoh dua tahun yang akan datang sekaligus menjadi pemangkin ekonomi untuk masyarakat setempat di daerah itu.